

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

IDA NADIA BTE NGAHDIMAN

bertajuk

**MENCADANGKAN REKABENTUK BARU BUTIK HAJABA
DI GREENTOWN NOVA,IPOH,PERAK.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : _____ Pn.Zarina Za'bar
Koordinator Kursus : _____ En.Muhammad Suhaimi B.Musa
Koordinator Program : _____ Prof Madya Dr. Sabrizaa B.Abd Rashid

ABSTRAK

Tidak dinafikan,dalam menjalani suatu rekabentuk dalaman,pereka haruslah memainkan peranan yang penting bagi memastikan ruangan dalaman yang dihasilkan menepati citarasa serta melengkap aspek-aspek yang telah ditetapkan. Selain daripada itu,rekaan juga mestilah berdasarkan ketetapan undang-undang serta menepati ciri-ciri keselamatan. Setiap rekaan yang dihasilkan juga mestilah mempunyai konsep serta imej yang tersendiri. Ini adalah kerana,ia sedikit sebanyak dapat menarik lebih ramai orang selain daripada memberikan keyakinan terhadap khidmat yang disediakan. Dalam bahasa arab,perkataan 'Hajaba' ini membawa maksud menutupi. Hal ini sejajar dengan ketetapan yang menyeru umat islam supaya menutup aurat.Butik Muslimah Hajaba ini dicadangkan untuk rekabentuk yang baru,memandangkan perkembangan fesyen muslimah masa kini. Selain daripada itu,kewujudan butik Hajaba ini juga memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk berfesyen,selain memenuhi syarak yang telah ditetapkan. Selain daripada itu,ia juga dapat membantu masyarakat supaya lebih memahami maksud berfesyen dari segi islam. Dengan rekabentuk yang menarik,tidak mustahil butik ini dapat menjadi tumpuan masyarakat bukan islam untuk mencuba rekaan terbaru butik ini yang bersifat kasual dan berkonsepkan 'pengembara'.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kadungan	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkat Kata	vii

**KANDUNGAN
SURAT**

MUKA

BAB 1.0	PENDAHULUAN	m/s 1
1.1	PENGENALAN	m/s 2
1.2	METODOLOGI KAJIAN	m/s 5
1.3	MATLAMAT KAJIAN	m/s 6
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	m/s 7
1.5	SKOP KAJIAN	m/s 7
1.6	HALANGAN KAJIAN	m/s 9
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	m/s 11
BAB 2.0	KLIEN	m/s 12
2.1	LATARBELAKANG	m/s 13
2.2	CARTA ORGANISASI	m/s 14
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	m/s 15
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	m/s 16
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	m/s 19
3.1	ANALISA TAPAK	m/s 20-23
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDIADA	m/s 24-47
3.3	RINGKASAN PENEMUAN	m/s 48-49
3.4	RUMUSAN	m/s 50

BAB 4.0	KAJIAN KES	m/s 51
4.1	KAJIAN KES 1	m/s 52-59
4.2	KAJIAN KES 2	m/s 60-64
4.3	KAJIAN KES 3	m/s 65-76
4.4	RUMUSAN KAJIAN KES	m/s 77
BAB 5.0	PROJEK	m/s 78-79
5.1	KEHENDAK KLIEN	m/s 80-85
5.2	SKOP KERJA	m/s 86-89
BAB 6.0	CADANGAN REKABENTUK	m/s 90
6.1	PENGENALAN	m/s 91
6.2	CADANGAN	m/s 92-108
6.3	KESIMPULAN	m/s 109
Senarai Rujukan		m/s 110
Lampiran		

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini adalah merupakan salah satu matapelajaran terakhir bagi syarat penganugerahan Diploma Senibina Rekabentuk Dalamam , Universiti Teknologi Mara. Kursus ini merupakan latihan yang komprehensif tentang seni rekabentuk dalamam, di mana pada tahap ini pelajar dikehendaki menyediakan satu skim reka bentuk yang komprehensif berdasarkan kajian dan pemerhatian yang sensitif terhadap sesuatu isu ataupun permasalahan seni rekabentuk dalamam yang wujud di dalam proses merekabentuk. Laporan ini merupakan rentetan kajian saya mengenai cadangan rekabentuk baru bagi Butik Muslimah,Hajaba.

Secara amnya,rekaan fesyen muslimah sedang mendapat tempat di kalangan masyarakat pada masa kini.Dalam era globalisasi ini,kita mestilah tidak melupakan tatasusila ketimuran,serta syarak yang menetapkan supaya kita menutup aurat.Butik Hajaba ini membuktikan bahawa bertudung tidak bermakna tidak boleh berfesyen. Variasi rekaan fesyen yang dihasilkan oleh Butik Hajaba adalah terdiri dari material yang baik serta bermutu tinggi.Hal ini membolehkan si pemakai berasa lebih selesa serta berkeyakinan untuk melakukan segala aktiviti.

Jika dikaitkan dengan isu semasa,masyarakat seluruh dunia mula peka mengenai fesyen berkonsepkan muslim. Hal ini boleh dibuktikan

melalui rekaan pakaian renang khas untuk muslimah yang memenuhi keperluan dalam menutup aurat semasa berenang. Selain itu,penciptaan sarung kaki untuk berwuduk,yang memudahkan umat Islam untuk mengambil wuduk,atau melalui kawasan basah.Inovasi penciptaan pakaian yang mengambilkira keperluan muslimah yang menutup aurat ini semestinya telah mencetuskan idea di kalangan pereka fesyen dari luar negara untuk menghasilkan lebih banyak inovasi fesyen berdasarkan islam.